

Kebergantungan Orang Kuala ke atas Modal Insan Tradisi dan Kaitannya dengan Pendayaupayaan Ekonomi

(The Dependency of Orang Kuala on The Traditional Human Capital and Its Relation to Economic Empowerment)

Wan Ahmad Amir Zal

School of Social and Economic Development
Universiti Malaysia Terengganu

ABSTRAK

Orang Kuala adalah suku kaum Orang Asli di Malaysia yang mempunyai modal insan khusus yang berkaitan dengan laut. Modal insan tersebut dikenali sebagai modal insan tradisi yang diperoleh secara turun-menurun dari generasi awal. Modal insan tradisi Orang Kuala berasaskan laut disebabkan penempatan mereka berada berhampiran dengan laut, malah mereka turut dikenali sebagai Orang Laut. Seiring dengan pembangunan negara, Orang Kuala turut terlibat dengan perubahan khususnya dalam aspek ekonomi. Sesuai dengan konteks Orang Kuala, penjelasan perubahan ekonomi diperhatikan dari sisi pendayaupayaan ekonomi berasaskan modal insan tradisi yang dimiliki mereka. Walau bagaimanapun, hubungan antara pendayaupayaan ekonomi dan modal insan tradisi Orang Kuala masih menjadi tanda tanya. Bagi menjelaskan persoalan tersebut, makalah ini menyenaraikan dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti modal insan tradisi yang dimiliki dan digunakan oleh Orang Kuala dan menjelaskan hubungan antara pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi dengan pendayaupayaan ekonomi. Data telah diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik kajian ke atas 267 orang responden dari kalangan Orang Kuala di Johor. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS dan melaksanakan prosedur statistik MANCOVA. Hasil kajian menunjukkan modal insan tradisi kurang dimiliki dan digunakan oleh Orang Kuala. Kajian turut menunjukkan tidak terdapat kesan pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi ke atas pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. Kesimpulannya, modal insan tradisi Orang Kuala tidak mampu untuk mencapai pendayaupayaan ekonomi. Sungguhpun demikian, bukanlah bermakna modal insan tradisi tidak mempunyai nilai positif untuk mengubah ekonomi Orang Kuala, sebaliknya modal insan tradisi perlu diberikan nafas baru berasaskan pendekatan pembangunan komuniti lestari yang berasaskan pembinaan kapasiti ke atas modal insan tradisi mereka.

Kata kunci: Modal insan tradisi, pendayaupayaan ekonomi, Orang Kuala, pembangunan komuniti lestari

ABSTRACT

Orang Kuala is a tribe of Orang Asli in Malaysia in which they have a specific human capital associated with the sea. The human capital is known as the traditional human capital in which acquired hereditary from earlier generations. Orang Kuala's traditional human capital is sea based because their settlement are close to the sea, thus they known as the Sea Peoples (Orang Laut). Beside the development of the country, Orang Kuala also involved with a change, especially in an economic aspect. In Orang Kuala context, the explanations of economic change observed on the current economic empowerment are based on their possession of traditional human capital. However, the relationship between an economic empowerment and traditional human capital of Orang Kuala is still a question mark. To clarify this question, this paper lists the two objectives of the research, namely to identify the possession and practice the traditional human capital by Orang Kuala and to explain the relationship between the possession and practice of the traditional human capital to economic empowerment. The data were obtained by distributing a questionnaire on 267 respondents amongst Orang Kuala in Johor. The data were analyzed using SPSS software and used MANCOVA as statistical procedures. The results showed, traditional human capital were less possession and practice by Orang Kuala. The study also showed, there is no effect of possession and practice of the traditional human capital toward economic empowerment amongst Orang Kuala. In conclusion, the traditional human capital amongst Orang Kuala are not able to achieve an economic empowerment. However, it doesn't mean that traditional human capital does not have a positive value to change Orang Kuala's economic situation, but the traditional human capital should be rejuvenate based on a sustainable community development approach to building a capacity to their traditional human capital.

Keywords: Traditional human capital; economic empowerment; Kuala People; sustainable community development



PENGENALAN

Orang Kuala merupakan salah sebuah suku kaum Orang Asli yang dikelompokkan di dalam suku Melayu Asli. Menurut Juli Edo (2000), pengelompokan tersebut dibuat oleh pihak British ketika mentadbir Tanah Melayu untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi Orang Kuala serta memudahkan usaha untuk membangunkan Orang Kuala. Selain dikenali sebagai Orang Kuala, mereka juga mempunyai nama atau gelaran lain, seperti Orang Laut (Carey 1976; Asmah Omar 1983), Orang Duano (Dentan et al. 1997; Zalizan et al. 2009), Dossin Dolak (Carey 1976), Jakun Laut (Skeat 1902) dan Orang Selat (orang yang hidup di selat) (Logan dan Thomson dalam Skeat dan Blagden 1966). Orang Kuala tidak suka dikenali sebagai Orang Kuala. Bagi mereka, nama tersebut digunakan oleh masyarakat luar untuk mengejek mereka. Sebaliknya, mereka lebih selesa dipanggil sebagai Orang Laut, Orang Asli, Melayu Asli, Orang Duanu atau Duano (Amir Zal et al. 2012). Walau bagaimanapun, makalah ini menggunakan istilah Orang Kuala kerana ia digunakan secara formal oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), iaitu sebuah agensi yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dalam masa yang sama makalah ini mengguna istilah Orang Laut yang memaksudkan Orang Kuala. Namun, istilah Orang Laut boleh dirujuk juga kepada dua suku kaum Orang Asli yang lain, iaitu Orang Seletar dan Mah Meri. Selain itu, terdapat juga Orang Asli Laut lain iaitu Orang Kanaq. Walau bagaimanapun mereka telah meninggalkan aktiviti laut dan memberi tumpuan kepada aktiviti perladangan seperti perladangan lada hitam dan kelapa sawit (Carey 1976).

Berbeza dengan Orang Asli suku lain, aktiviti Orang Kuala adalah berkaitan langsung dengan laut (Carey 1976; Barnard 1998). Aktiviti laut Orang Asli bukan sekadar untuk memenuhi keperluan psikologi (termasuklah untuk memperkukuhkan identiti sebagai Orang Laut) dan memenuhi keperluan asas (berupa sumber laut) sahaja. Sebaliknya ia melibatkan aktiviti ekonomi perdagangan berasaskan laut, iaitu aktiviti jual beli hasil laut dengan masyarakat lain. Penglibatan dalam aktiviti ekonomi perdagangan ini bukanlah perkara yang tidak disedari oleh para sarjana, malah pernah disebut-sebut oleh mereka. Antaranya dinyatakan secara umum oleh Harper (1997), iaitu penglibatan Orang Laut dalam aktiviti ekonomi perdagangan dikesan di Melaka dan Kedah sejak abad ke-15 lagi. Malah mereka mudah menguasai pasaran ekonomi perdagangan berasaskan laut kerana mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus berkenaan dengan laut. Malah Carey (1976) turut mengesahkan ekonomi mereka semakin kukuh disebabkan pengetahuan laut yang luas sehingga mereka mampu membekalkan produk laut ke pasaran negara China.

Kemegahan penguasaan ekonomi tersebut mula tergugat pada abad ke-18 kerana masyarakat Bugis Sulawesi turut memainkan peranan yang sama dan ditambah pula dengan penghijrahan secara besar-besaran masyarakat Melayu dari Indonesia pada pertengahan abad ke-19 (Harper 1997). Penguasaan ekonomi perdagangan Orang Laut semakin lemah apabila masyarakat Melayu dari Singapura dan masyarakat Cina dari Barat turut terlibat dalam pasaran yang sama. Peranan Orang Laut menjadi semakin terancam disebabkan masalah kuasa politik pembesar Melayu yang mempunyai hubungan saling bergantung dengan Orang Laut dan menyebabkan keazaman politik Orang Laut semakin merosot (Harper, 1997). Oleh itu, mereka lebih banyak menumpukan aktiviti nelayan untuk memenuhi keperluan asas sahaja.

PERMASALAHAN PERGANTUNGAN MODAL INSAN TRADISI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENDAYAUPAYAAN EKONOMI

Penempatan Orang Kuala yang berada hampir dengan laut membolehkan mereka memiliki dan menggunakan modal insan yang berasaskan laut. Modal insan menurut Emery dan Flora (2006) dan Phillips dan Pittman (2009) merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan bakat yang dimiliki oleh ahli komuniti. Modal insan dijangkakan dimiliki oleh setiap komuniti dan unik yang bergantung pada persekitaran penempatan komuniti. Perkara ini ditegaskan oleh Briggs et al. (2007) yang mengkaji pengetahuan komuniti yang berada di lokasi yang berbeza. sungguhpun ramai para sarjana mengkaji modal insan komuniti, mereka tidak menegaskan keunikan modal insan dalam istilah yang khusus. Bagi makalah ini, modal insan yang dimiliki secara tradisi dan diterima tanpa mengubah *status quo* nya dikelaskan sebagai modal insan tradisi. Namun istilah tersebut diambil faham dan dihubung jalinkan berasaskan tafsiran atau definisi yang diberikan ke atas modal insan, pengetahuan peribumi dan pengetahuan tradisi oleh beberapa sarjana seperti oleh Fernando (2003), Briggs et al. (2007), Lauderdale (2008) dan Dan et al. (2010).

Sebagaimana Orang Asli lain, Orang Kuala turut mempunyai modal insan tradisi. Cuma bezanya ialah modal insan tradisi Orang Kuala berkait langsung dengan laut. Antara modal insan tradisi mereka ialah pengetahuan menangkap ikan, ketam (Andaya, 2008), terepang, tumbuhan laut dan kulit penyu (Yuszaidy dan Mohamad Nazri 2008). Modal insan tradisi tersebut terbentuk disebabkan penempatan mereka yang berada di persekitaran laut dan mudah akses kepada laut (Polunin dan Sneah 1953; Skeat dan Blagden 1966; Carey 1976; Barnard 1998; Andaya 2008).

Sungguhpun modal insan tradisi Orang Kuala berkaitan dengan laut, tidaklah bermakna mereka ketinggalan dari ekonomi. Sebaliknya berasaskan

kronologi sejarah yang telah dibincangkan sebelum ini telah menjelaskan Orang Kuala pernah menjadi kelompok penting dalam aktiviti perdagangan berasaskan laut. Sehingga mereka dipandang tinggi oleh pemerintah Melayu yang dimanifestasikan melalui dikahwinkan dengan anak pembesar Melayu dan menjadi pengawal laut serta panglima (Andaya 2008).

Sungguhpun demikian, peranan itu semakin merosot setelah kemangkatan sultan dinasti Melaka. Mereka mula berpecah dan memberi sokongan kepada sultan-sultan lain (Andaya 2008). Ada juga dalam kalangan mereka yang membawa hala tuju masing-masing dengan memberi tumpuan sepenuhnya kepada aktiviti laut untuk menyara hidup mereka. Dengan itu, mereka tidak lagi memberi tumpuan kepada aktiviti perdagangan. Perubahan tumpuan itu telah menyebabkan Orang Kuala menghadapi masalah ekonomi dan menjadi miskin (Juli Edo 2000). Sedangkan sebelum itu, penglibatan mereka dalam aktiviti perdagangan yang bertunjangan modal insan tradisi telah menjadikan mereka penting dalam ekonomi masa tersebut.

Pada abad ke-20, Orang Laut mereka kembali menceburi aktiviti ekonomi arus perdana. Terdapat segelintir Orang Kuala mula mengubah aktiviti ekonomi mereka yang tidak hanya bergantung pada aktiviti laut sahaja. Ada dalam kalangan Orang Kuala terlibat dengan penghasilan hasil laut yang diproses seperti belacan dan dijual luar dari pasaran Malaysia, iaitu di Singapura (Carey 1976). Terdapat segelintir Orang Kuala yang terlibat dengan aktiviti pengimport dan menjual barangan terpakai dari Singapura, mengeksport sayur ke Singapura dan menjual pakaian terpakai (Amir Zal et al. 2012).

Penglibatan dalam aktiviti ekonomi baru tersebut memberi gambaran tentang dua perkara, iaitu pergantungan Orang Kuala pada modal insan tradisi dan perubahan aktiviti ekonomi yang menunjukkan elemen pendayaupayaan ekonomi. Namun kedua-dua gambaran tersebut tidak pernah dikaji oleh mana-mana penyelidik sebelum ini. Justeru, makalah ini menyenaraikan dua objektif yang perlu dijelaskan melalui kajian khusus, objektif tersebut ialah mengenal pasti modal insan tradisi yang dimiliki dan digunakan oleh Orang Kuala dan menjelaskan hubungan antara pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi dengan pendayaupayaan ekonomi.

PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN MODAL INSAN TRADISI

Modal insan tradisi boleh diteliti melalui cara ia dibentuk, diwariskan dan digunakan. Berkenaan dengan pembentukan modal insan tradisi, Turner et al. (2000) menyatakan bahawa lazimnya modal insan dibentuk oleh komuniti yang hidup menetap di suatu tempat khusus untuk tempoh masa yang panjang. Pandangan itu

dibuat setelah sarjana tersebut membuat kajian jangka panjang ke atas masyarakat asli *Secwepemc (Shuswap)*, *Salish, Kwakwaka'wakw* dan *Nuu-Chah-Nulth* di British Columbia dan Kanada. Penggunaan masa yang panjang dihuraikan pula oleh Dan et al. (2010) yang mempercayai bahawa masa yang panjang memberi peluang kepada masyarakat untuk membina modal insan yang sesuai dan kekal.

Bagi Briggs et al. (2007) dan Lauderdale (2008) pula, pembentukan modal insan mempunyai nilai simbiotik antara manusia dan alam semula jadi di mana manusia tinggal. Lantaran itu, pemilikan modal insan manusia adalah berbeza, sama ada dalam memberi tafsiran, asas pembentukan dan tujuan penggunaannya. Realiti ini disokong oleh hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh Briggs et al. (2007), iaitu komuniti yang tinggal di Aswan memiliki modal insan yang berbeza dari komuniti yang tinggal di Allaqi.

Selain itu, modal insan tradisi juga dipengaruhi oleh aktiviti rutin, semasa dan pengalaman hidup komuniti setempat (Briggs et al. 2007; Dan et al. 2010). Pengaruh-pengaruh tersebut terbentuk melalui penggunaan, pengadaptasian dengan budaya tempatan dan persekitaran (Fernando 2003; Dan et al. 2010). Sudah pasti bagi Briggs et al. (2007), elemen-elemen tersebut memberi peluang kepada komuniti memerhati dan membuat eksperimen sendiri untuk membentuk modal insan khusus untuk komuniti mereka.

Modal insan dimiliki melalui pewarisan dari satu generasi lain ke generasi yang lain. Huraian perwarisan tersebut dinyatakan oleh Briggs et al. (2007) dengan terperinci berasaskan dapatan kajian beliau ke atas masyarakat asli Bedouin di Mesir. Perwarisan bermula dengan ibu bapa atau datuk nenek yang memberi tunjuk ajar kepada anak-anak. Selain itu pewarisan hanya berlaku melalui penyertaan serta pemerhatian generasi baru ke atas modal insan yang diwarisi tersebut (Turner et al. 2000; Dan et al. 2010). Perwarisan tersebut berlaku berserta dengan harapan akan terus digunakan dan disebarkan pula kepada generasi seterusnya (Fernando 2003) dan dengan itu modal insan yang diwarisi atau modal insan tradisi dapat dikekalkan.

Berkenaan dengan parameter kewujudan modal insan melalui penggunaan pula, Emery dan Flora (2006) menegaskan ia dapat diukur dengan mengambil kira tahap pengetahuan dan kemahiran sesuatu modal insan. Penggunaan modal insan tradisi tersebut ditonjolkan melalui kehidupan seharian komuniti. Sebagaimana yang diperhatikan oleh Mauro dan Hardison (2000) melalui tatacara komuniti menguruskan pengetahuan biodiversiti yang mereka miliki. Penggunaan modal insan tersebut tidak mengizinkan persekitaran digunakan tanpa mempertimbangkan keperluannya. Justeru, Briggs et al. (2007) menegaskan penggunaan modal insan membantu komuniti tempatan menggunakan sumber alam dengan lestari dan ia merupakan antara faktor kepada kejayaan pembangunan mapan di kawasan pedalaman.

MODAL INSAN TRADISI DAN PENDAYAUPAYAAN EKONOMI

Pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada perubahan yang dapat diukur melalui siapa yang memiliki kuasa dan melaksanakan aktiviti ekonomi (Thomas-Slayter 2009). Menurut Bowen (2008) pula, pendayaupayaan ekonomi ialah penyertaan komuniti dalam mencapai pembaharuan ekonomi. Manakala bagi Du Toit et al. (2008), pendayaupayaan ekonomi merujuk kepada pemilikan ke atas sumber apabila mereka menyertai organisasi. Pendayaupayaan ekonomi merangkumi penglibatan komuniti dalam aktiviti ekonomi yang mereka ceburi. Melalui pendayaupayaan ekonomi masalah kemiskinan dapat dikurangkan, berlakunya penambahan sumber yang boleh digunakan, pengurangan pendedahan kepada risiko dan peningkatan usaha untuk mencapai pendapatan tinggi (Basargekar 2009).

Dalam kaitan antara modal insan dan pendayaupayaan ekonomi, Briggs et al. (2007) secara umumnya menyatakan bahawa penggunaan modal insan menjadi asas kepada pertumbuhan ekonomi komuniti dan berjaya mengurangkan masalah ekonomi dalam komuniti. Ia diperkuatkan lagi dengan hasil kajian Fernando (2003) yang mendapati modal insan dapat mengurangkan masalah kemiskinan di kawasan pedalaman. Sebaliknya bagi Fernando (2003), sesebuah komuniti menjadi miskin disebabkan mereka kurang memiliki modal insan. Hasil kajian Turner et al. (2000) ke atas masyarakat peribumi di Columbia turut menunjukkan perkara yang hampir sama. Saling hubung antara modal insan dan ekonomi menyebabkan berlakunya peningkatan pendapatan komuniti. Realiti itu turut disedari oleh Mauro dan Hardison (2000), Fernando (2003), Rainey et al. (2003), Cardamone dan Rentschler (2006), dan Zula dan Chermack (2007), yang mana modal insan membolehkan komuniti berasa yakin untuk turut serta dalam aktiviti ekonomi dan seterusnya menyebabkan berlakunya penambahan pendapatan yang membawa maksud kepada pendayaupayaan ekonomi.

Keyakinan itu membolehkan komuniti berdikari dalam meningkatkan pendapatan mereka tanpa perlu bergantung pada pihak lain (Briggs et al. 2007). Contoh yang lebih konkrit boleh diperhatikan melalui dapatan kajian yang dibuat oleh Cardamone dan Rentschler (2006). Mereka menjalankan kajian ke atas masyarakat peribumi Australia yang terlibat dalam perusahaan kecil. Perusahaan kecil yang diusahakan tersebut adalah berasaskan modal insan tradisi komuniti tersebut. Hasil kajiannya menunjukkan modal insan masyarakat peribumi telah menyumbangkan lebih dari 100 juta dolar Australia kepada pendapatan tahunan negara Australia, sedangkan mereka hanyalah kelompok yang kecil dalam negara itu. Realiti itu dapat disimpulkan bahawa modal insan tradisi memberi kesan langsung kepada pendayaupayaan ekonomi komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan tinjauan yang menjalankan kajian ke atas 267 orang responden dari kalangan Orang Asli suku Orang Kuala. Responden kajian merupakan Orang Kuala dari kampung Bumiputera Dalam Rengit, kampung Seri Pantai Senggarang dan kampung Baru Benut. Pemilihan ketiga-tiga buah kampung itu dibuat penyelidik berasaskan tiga pertimbangan, iaitu pertama, bilangan penduduk Orang Kuala di sesebuah kampung; kedua, pekerjaan Orang Kuala, dan ketiga, kerjasama yang diberikan oleh Orang Kuala.

Penyelidik telah menggunakan pensampelan mudah yang mana responden dipilih dari kalangan nelayan dan peniaga Orang Kuala. Penyelidik telah menggunakan metode temu bual berasaskan borang soal selidik. Borang soal selidik dibentuk oleh penyelidik dengan menggunakan dua kaedah. Kaedah pertama, pemerincian variabel kajian dibuat berasaskan tinjauan literatur. Cara tersebut membantu penyelidik untuk membina protokol temu bual semi berstruktur. Protokol temu bual digunakan untuk mengumpul data kualitatif bagi membina borang soal selidik kuantitatif. Antara perkara yang ditekankan dalam protokol temu bual tersebut ialah penerokaan modal insan tradisi yang diwarisi dan dimiliki oleh Orang Kuala sebagai Orang Laut. Setelah data kualitatif dianalisis dalam bentuk *open coding* dan tema, ia digunakan sebagai asas pembinaan borang soal selidik kajian. Ini adalah kaedah kedua yang digunakan oleh penyelidik. Data kajian kuantitatif kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS, melalui ujian statistik deskriptif, iaitu peratus dan min, dan statistik inferens, iaitu ujian MANCOVA.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PEMILIKAN DAN PENGGUNAAN MODAL INSAN TRADISI

Jadual 1 menunjukkan skor min pemilikan modal insan tradisi dengan petunjuk skalanya, 1: tidak tahu; 2: kurang tahu; 3: tahu; dan 4: sangat tahu. Mengikut susunan menurun, skor min pengetahuan menjaring ikan adalah 2.72, iaitu antara skala kurang tahu dan tahu, namun menghampiri tahu. Pengetahuan untuk mengenal pasti cuaca melalui angin skor minnya ialah 2.60, iaitu antara kurang dan tahu. Manakala pengetahuan untuk menjahit jala atau pukut dan mengenal pasti arah melalui bintang menunjukkan skor minnya masing-masing 2.16 yang menghampiri kurang tahu. Manakala pengetahuan berkenaan membina togok, kelong, jermal dan membuat sampan dari kayu skor minnya berada di antara 1.73 hingga 1.58, iaitu antara tidak tahu dan kurang tahu.

Dapatan kajian menunjukkan pemilikan modal insan tradisi iaitu pengetahuan yang berkaitan dengan laut kurang diketahui oleh Orang Kuala. Realiti ini

JADUAL 1. Taburan Skor Min Pemilikan dan Penggunaan Modal Insan Tradisi

Modal insan tradisi	Milik*	Guna**
Menjaring ikan	2.72	3.23
Mengenal pasti cuaca melalui angin	2.60	3.30
Menjahit jala atau pukot	2.16	2.82
Mengenal pasti arah melalui bintang	2.16	3.03
Membuat togok	1.73	2.42
Membuat kelong	1.71	2.50
Membuat jermal	1.67	2.49
Membuat sampan dari kayu	1.58	2.35

Nota: Skor min berasaskan skala* 1: Tidak tahu 2: Kurang tahu
 3: Tahu 4: Sangat tahu
 **1: Tidak guna 2: Jarang
 3: Kadang-kadang 4: Selalu

bersesuaian dengan pandangan Lauderdale (2008) dan Hipwell (2009) yang mendapati modal insan asal semakin dilupakan oleh masyarakat peribumi, iaitu semakin sedikit dimiliki oleh ahli komuniti. Antara sebabnya ialah modal insan tradisi semakin kurang diperturunkan oleh generasi sebelum kepada generasi seterusnya. Sedangkan aktiviti pewarisan merupakan peranan generasi awal untuk menjamin kelangsungan pemilikan modal insan berkaitan (Briggs et al. 2007).

Sungguhpun demikian, masalah kurangnya modal insan tradisi diperturunkan bukan hanya disebabkan golongan tua tidak memainkan peranan, sebaliknya ia juga disebabkan oleh golongan muda enggan menerimanya. Rasional yang diberikan oleh golongan muda ialah mereka tidak perlukan pengetahuan tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Kehidupan mereka kini lebih banyak mengamalkan kehidupan moden yang tidak mempunyai kaitan dengan aktiviti laut. Ini memanasifikasikan kesan asimilasi akibat dari interaksi antara masyarakat peribumi dengan komuniti luar (Turner et al. 2000; Briggs et al. 2007). Golongan muda juga beranggapan modal insan tradisi tidak memberikan keuntungan ekonomi yang memberangsangkan kepada mereka.

Namun, tidak kesemua pemilikan modal insan tradisi adalah rendah. Sebaliknya, terdapat beberapa modal insan tradisi seperti menjaring ikan dan mengenal pasti cuaca melalui tiupan angin, berada pada kategori tahu. Tahap pemilikan modal insan tradisi tersebut terbentuk disebabkan oleh dua faktor, pertama, identiti mereka sebagai Orang Laut, dan kedua, penempatan mereka yang berada hampir dengan laut.

Orang Kuala digelar sebagai Orang Laut kerana mereka mempunyai hubungan yang akrab dengan laut. Oleh itu, mengubah identiti asal bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia sentiasa dipertahankan oleh sesebuah komuniti. Ini selaras dengan pandangan Lauderdale (2008) yang menyatakan bahawa sesebuah

masyarakat mempertahankan modal insan yang dimiliki mereka walaupun cara hidup mereka telah berubah. Mempertahankan modal insan tradisi itu seolah-olah mempertahankan identiti mereka. Oleh itu, meninggalkan modal insan tradisi tidak berlaku dengan mudah walaupun mereka telah mengamalkan cara hidup baru.

Faktor kedua, iaitu faktor penempatan yang berhampiran dengan laut. Ketiga-tiga perkampungan Orang Kuala yang terlibat dengan kajian ini berada berhampiran laut. Ini membolehkan mereka untuk terus akses kepada laut dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan laut. Menurut hasil kajian Fernando (2003), Briggs et al. (2007), dan Dan et al. (2010), pemilikan sesuatu modal insan adalah disebabkan pengaruh persekitaran di mana mereka menetap. Persekitaran itu memudahkan mereka untuk menggunakan modal insan berkaitan. Bukan setakat itu sahaja, pembentukan modal insan tradisi itu diadaptasikan sesuai dengan persekitaran di mana komuniti menetap.

Sungguhpun modal insan tradisi dinilai Orang Kuala sebagai kurang bermanfaat untuk pemerolehan pendapatan, ia tidak menyebabkan mereka meninggalkan kesemua pengetahuan tersebut. Sebaliknya mereka tetap menggunakannya atas pelbagai rasional, termasuklah kerana hobi. Rasional itu membolehkan mereka untuk terus memiliki modal insan tradisi walaupun bukan untuk tujuan pemerolehan manfaat ekonomi. Oleh itu, mereka beranggapan cukuplah sekadar tahu pengetahuan tersebut, dan tidak semestinya mahir dengan modal insan tradisi berkaitan.

Jadual 1 juga menunjukkan taburan skor min tahap penggunaan modal insan tradisi yang mengikut susunan menurun. Tahap penggunaan modal insan tradisi mengenal pasti cuaca melalui tiupan angin skor minnya adalah 3.30. Ia berada pada skala tahap kadang-kadang dan selalu, namun lebih menghampiri kadang-kadang. Tahap penggunaan modal insan tradisi menjaring ikan dan mengenal pasti arah melalui bintang, skor min masing-masing ialah 3.23 dan 3.03. Berkenaan dengan penggunaan modal insan tradisi menjahit jala atau pukot, skor minnya ialah 2.82. Tahap penggunaannya berada antara jarang dan kadang-kadang, namun lebih menghampiri kadang-kadang. Bagi tahap penggunaan modal insan tradisi yang lain seperti membina jermal, kelong, togok, membuat sampan dari kayu dan menjaring ikan, skor minnya adalah berada pada skala jarang.

Dengan membandingkan min tahap pemilikan modal insan tradisi dan min tahap penggunaannya, tahap penggunaan modal insan tradisi adalah lebih tinggi. Ia disebabkan data kajian tentang tahap penggunaan modal insan tradisi hanyalah mewakili responden yang memiliki modal insan tradisi berkaitan sahaja. Oleh itu, dapatan kajian hanya memaparkan tahap penggunaan modal insan tradisi jika responden memilikinya sahaja.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, tahap penggunaan modal insan tradisi yang memerlukan kemahiran khusus seperti membuat kelong, jermal,

togok dan sampan, mempunyai tahap penggunaan yang rendah. Modal insan tradisi seperti itu memerlukan masa yang panjang dan tumpuan yang mendalam untuk menggunakannya. Realiti itu turut dinyatakan oleh Turner et al. (2000) dalam penyelidikannya, iaitu modal insan memerlukan komitmen dan masa yang panjang untuk dimiliki. Sedangkan Orang Kuala semakin banyak mengisi masa mereka dengan aktiviti perusahaan sendiri. Justeru, mereka mula mengabaikan modal insan tradisi kerana tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mempraktikkannya. Lebih-lebih ia memerlukan pengetahuan yang kompleks dan rumit untuk menguasai dan menyempurnakan modal insan tradisi yang berkaitan.

Antara faktor lain yang menyebabkan tahap penggunaan modal insan tradisi rendah ialah Orang Kuala kini mempertimbangkan keuntungan ekonomi untuk setiap aktiviti mereka. Lauderdale (2008) dan Hipwell (2009) pernah menyentuh perkara ini yang turut berlaku pada komuniti peribumi lain. Komuniti peribumi tersebut mempertimbangkan untuk memiliki dan menggunakan modal insan hanya sekiranya ia memberi manfaat ekonomi.

MODAL INSAN TRADISI DAN PENDAYAUPAYAAN EKONOMI

Jadual 2 menunjukkan hubungan antara pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi dengan pendayaupayaan ekonomi. Keputusan ujian *Multivariate Pillai's Trace* menunjukkan bahawa tidak wujud kesan variabel bebas pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi yang signifikan, iaitu $[F(46, 136) = 1.3, p > .05]$ bagi pemilikan dan $[F(60, 136) = 1.2, p > .05]$ untuk penggunaan modal insan tradisi terhadap pendayaupayaan ekonomi. Berdasarkan keputusan tersebut, pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi bukan faktor kepada pendayaupayaan ekonomi. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak ada kesan variabel kawalan pekerjaan Orang Kuala terhadap variabel-variabel bersandar $[F(2, 67) = 1.7, p > .05]$. Keputusan ini menunjukkan bahawa, sungguhpun dengan mengawal pekerjaan Orang Kuala, pemilikan modal insan tradisi bukan faktor kepada pendayaupayaan ekonomi.

Hasil kajian ini menunjukkan pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi tidak menyebabkan berlakunya pendayaupayaan ekonomi. Modal insan tradisi dikaitkan dengan aktiviti laut yang kurang berupaya membantu Orang Kuala untuk memiliki

pendapatan tetap, akses kepada sumber, menyertai perusahaan dengan lebih baik dan membolehkan mereka untuk berdikari dalam perusahaan.

Dapatan kajian ini berbeza dengan pandangan Briggs et al. (2007) yang mana menurutnya modal insan dapat meningkatkan pendapatan komuniti serta mengurangkan pergantungan pada masyarakat luar disebabkan mereka memiliki pengetahuan tersendiri. Perbezaan antara hasil kajian ini dan kajian Briggs et al. (2007) dapat diperhatikan dari dua sudut. Pertama, Orang Kuala tidak sepenuhnya memanfaatkan modal insan tradisi yang mereka miliki. Sebaliknya mereka mula meninggalkannya dan mencuba aktiviti lain khususnya memberi tumpuan kepada perniagaan. Senario itu menunjukkan Orang Kuala kurang menggunakan modal insan tradisi yang dimiliki mereka untuk meningkatkan ekonomi mereka. Kesannya, Orang Kuala tidak serius menggunakannya untuk aktiviti ekonomi mereka.

Kedua, realiti modal insan tradisi yang kurang sesuai dengan keperluan dalam perniagaan yang diusahakan oleh Orang Kuala. Maksudnya, modal insan tradisi bukan pengetahuan yang diperlukan dan berkaitan dengan usaha mereka untuk menguruskan, memasarkan produk dan mengembangkan perusahaan mereka. Oleh itu, modal insan tradisi tidak memberi kesan kepada pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pemilikan dan penggunaan modal insan tradisi Orang Kuala adalah rendah. Hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan modal insan tradisi mula ditinggalkan oleh Orang Kuala. Ini kerana mereka menyedari pergantungan pada modal insan tradisi tidak banyak membantu mereka untuk meningkatkan ekonomi. Ini disahkan lagi dengan hasil kajian ini yang menunjukkan modal insan tradisi tidak menyebabkan berlakunya pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. Ia berlaku sama ada ke atas semua jenis pekerjaan Orang Kuala.

Hasil kajian ini memberi satu kesimpulan, dalam mendepani transformasi ekonomi di Malaysia, modal insan tradisi tidak mampu untuk membawa Orang Kuala kepada transformasi tersebut. Pergantungan Orang Kuala kepada modal insan tradisi sudah tidak dapat mendorong mereka untuk mencapai pendayaupayaan ekonomi. Oleh demikian, Orang Kuala perlu dibekalkan dengan modal insan baru sebagai alternatif untuk membantu

JADUAL 2. Pemilikan dan Penggunaan Modal Insan Tradisi Pendayaupayaan Ekonomi

Effect	Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Pekerjaan	.048	1.690	2.000	67.000	.192
Milik modal insan tradisi	.595	1.252	46.000	136.000	.162
Guna modal insan tradisi	.694	1.205	60.000	136.000	.187

Orang Kuala mencapai pendayaupayaan ekonomi. Memperkenalkan Orang Kuala dengan pengetahuan baru dicadangkan berasaskan dua aspek, pertama, Orang Kuala kini memang telah terlibat dengan perusahaan sendiri dan menunjukkan kesungguhan serta kejayaan dalam bidang tersebut. Kedua, dari sudut yang lain, modal insan baharu merupakan modal insan tradisi yang telah ditingkatkan dan dimodifikasi potensinya dan diperluaskan penggunaannya. Modal insan tradisi yang ditingkatkan dan dimodifikasi ini mampu memiliki nilai ekonomi baru di dalamnya. Peningkatan dan modifikasi modal insan tradisi boleh diklasifikasikan sebagai inovasi sosial, atau modal inovasi insan.

Secara praktikalnya, modal inovasi insan tersebut menjadi aset pelancongan yang mana para pelancong, khususnya pelancong luar negara berminat untuk mengetahui dan terlibat dengan masyarakat peribumi (Amir Zal dan Ma'rof Redzuan 2011). Dalam masa yang sama, ia mendidik Orang Kuala dan masyarakat lain menghargai warisan tradisi melalui menjadikannya sebagai pendidikan warisan budaya yang unik.

Tindakan ini sebetulnya berada di atas landasan pembangunan komuniti lestari, iaitu melibatkan elemen pembinaan kapasiti Orang Kuala berasaskan modal insan yang mereka miliki. Usaha ini bukan sahaja boleh meningkatkan tahap ekonomi mereka, malah juga boleh memelihara modal insan tradisi yang menjadi identiti mereka sebagai Orang Kuala. Bagi merealisasikan perkara ini, polisi sedia ada perlu diperkasakan dengan memasukkan nilai penghargaan dan mempertahankan modal insan tradisi dan memeliharanya untuk terus dikenali oleh generasi mendatang.

RUJUKAN

- Amir Zal, W. A. & Ma'rof Redzuan 2011. Pembangunan program inap desa dalam komuniti bario Sarawak dari pendekatan pembangunan komuniti berasaskan aset. *Manusia dan Masyarakat* 20: 48-67.
- Amir Zal W. A., Ma'rof Redzuan, Asnarukhadi Abu Samah & Hanina H. Hamsan. 2012. Peranan modal sosial rapat ke atas pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 5(8): 63-69.
- Andaya, L. A. 2008. *Leaves of the same tree - Trade and ethnicity in the Straits of Malaka*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Asmah Omar. 1983. *The Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barnard, T. P. 1998. The timber trade in pre-modern Siak. *Indonesia* 65: 86-96.
- Basargekar, P. 2009. Economic empowerment through microfinance. *Journal of Business Insights & Transformation* 2(1): 64-74.
- Bowen, G. A. 2008. An analysis of citizen participation in anti-poverty programmes. *Community Development Journal* 43(1): 65-78.
- Briggs, J., Sharp, J., Yacoub, H., Hamed, N. & Roe, A. 2007. The nature of indigenous environmental knowledge production: Evidence from Bedouin communities in southern Egypt. *Journal Of International Development* 19: 239-251.
- Cardamone, M. & Rentschler, R. 2006. Indigenous innovators: the role of web marketing for cultural micro-enterprises. *International Journal Nonprofit Volunt. Sect. Mark* 11: 347-360.
- Carey, I. 1976. *Orang Asli The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dan, V., Mchombu, K. & Mosimane, A. 2010. Indigenous medicinal knowledge of the San people: the case of Farm Six, Northern Namibia. *Information Development* 26(2): 129-140.
- Dentan, R. K., Endicott, K., Gomes, A. G., & Hooker, M. B. 1997. *Malaysia and the Original People: A Case Study of the Impact of Development on Indigenous Peoples*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Du Toit, A., Kruger, S. & Ponte, S. 2008. Deracializing exploitation? Black economic empowerment in the South African wine industry. *Journal of Agrarian Change* 8(1): 6-32.
- Emery, M. & Flora, C. 2006. Spiraling-up: Mapping community transformation with community capitals framework. *Journal of the Community Development* 37(1): 19-35.
- Fernando, J. L. 2003. NGOs and production of indigenous knowledge under the condition of postmodernity. *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science* 590(1): 54-72.
- Hipwell, W. T. 2009. An asset-based approach to indigenous development in Taiwan. *Asia Pacific Viewpoint* 50(3): 289-306.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2008. *Data Maklumat Asas*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Juli Edo. 2000. Dari darat ke Laut; Singkapan ringkas etnosejarah Orang Asli di Johor. Dalam Seminar sejarah dan budaya Johor, anjuran Kerajaan Negeri Johor, 3-6 Mei.
- Lauderdale, P. 2008. Indigenous peoples in the face of globalization. *American Behavioral Scientist* 51(12): 1836-1843.
- Mauro, F. & Hardison, P. D. 2000. Traditional knowledge of indigenous and local communities: International debate and policy initiatives. *Ecological Applications* 10(5): 1263-1269.
- Phillips, R. & Pittman, R. H. 2009. *An Introduction to Community Development*. USA: Routledge.
- Polunin, I. & Sneah, P. H. A. 1953. Studies of blood groups in South-East Asia. *The Journal of the Royal Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 83(2): 215-251.
- Rainey, D. V., Robinson, K. L., Allen, I. & Christy, R. D. 2003. Essential forms of capital for sustainable community development. *American Journal of Agricultural Economics* 85(3): 708-715.
- Skeat, W. W. & Blagden, C. O. 1966. *Pagan Races of the Malay Peninsula (volume one)*. London: Frank Cass & Co. Ltd.
- Skeat, W. W. 1902. The wild tribes of the Malay Peninsula. *The Journal of the Anthropological Institute of Great Britain and Ireland* 32: 124-141.
- Thomas-Slayter, B. 2009. Participatory approaches to community change: Building cooperation through dialogue and negotiation using participatory rural appraisal. In *Handbook on Building Cultures of Peace*, 333-349. USA: Springer.

- Turner, N. J., Ignace, M. B. & Ignace, R. 2000. Traditional ecological knowledge and wisdom of aboriginal peoples in British Columbia. *Ecological Applications* 10(5): 1275-1287.
- Yuszaidy Mohd Yusoff dan Mohamad Nazri. 2008. Warisan Orang Kuala semakin hilang?: Kajian kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor, Prosiding persidangan perdana Pribumi Malaysia, UDM, Terengganu, 25-26 September.
- Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaaq Ahmad & Ahmad Rafeai Ayudin. 2009. Perspektif historiografi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dlm. *Masyarakat Orang Asli Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*, 1-18. Bangi: Penerbit UKM.
- Zula, K. J. & Chermack, T. J. 2007. Human capital planning: A review of literature and implications for human resource development. *Human Resource Development Review* 6(3): 245-262.

Wan Ahmad Amir Zal
Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu, Terengganu
Malaysia
waamirzal@umt.edu.my